

Awang Sariyan terajui DBP



Awang Sariyan

KUALA LUMPUR: Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Awang Sariyan dilantik sebagai Ketua Pengarah, DBP yang baru berkuat kuasa, 1 Februari lalu.

Beliau menggantikan Datuk Termuzi Abdul Aziz yang menyandang jawatan berkenaan sejak 1 Februari 2009 dan tamat perkhidmatannya pada 31 Januari lalu.

DBP dalam kenyataan semalam memaklumkan Majlis Serahan Tugas diadakan di Bilik Mesyuarat Tun Perak, DBP, di sini, pada 31 Januari lalu.

Awang, 59, ialah Penyandang Pertama Kursi Pengajian Melayu di Foreign Studies University Beijing, China (Januari 2008-Julai 2011).

Sebelum itu, beliau Pengarah Jabatan Bahasa, DBP; Profesor Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia; serta Profesor Bahasa di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.